

Cara Daftar Dengan MauKerja!! MUSUH Baru Jobstreet

Salam.

Seperti yang kita sedia maklum. [Jobstreet](#) adalah tempat mencari kerja yang paling ramai orang guna di Malaysia. [**Saya tiada statistik, tapi saya yakin jobstreet paling ramai**]. Untuk skop bidang kerjaya swasta lah. Untuk Kerajaan, anda kena rujuk SPA lah macam biasa.


Tapi ada yang baru...

[MEET MAUKERJA...](#)

MauKerja baru lagi beberapa tahun ni beroperasi. Masa saya mula [mencari kerja](#) tahun 2009 dulu, rasanya belum ada lagi. Banyak orang refer pada Jobstreet dan Mudah.my sahaja.

Dan dalam post ini, saya akan kenalkan [MauKerja](#) kepada anda.

MauKerja!!! Interface yang simple.




Artikel ini saya kongsikan cara untuk daftar dengan MauKerja. Untuk perbezaan antara MauKerja dengan Jobstreet anda boleh

rujuk di post yang lagi ini, [Jobstreet VS MauKerja](#)

Jom follow saya satu satuu, kita buat pendaftaran sama sama.

1. Pendaftaran


Untuk pendaftaran, anda hanya perlu KLIK [Login | Register](#) link di bahagian tepi atas sekali. Bila sudah KLIK, popup seperti di bawah akan terhasil.




Anda boleh pilih Phone atau Facebook. Tapi untuk contoh yang ini, saya akan gunakan Facebook. Sebab sepanjang saya daftar mendaftar ni, kalau guna social account. Akan lebih cepat, sebab dia akan ambil maklumat dari Facebook.

Tak pe lah. Kita terus kan...

So, saya KLIK Facebook dan continue as Syed macam bawah ni




Bila sudah KLIK rupanya minta no telefon juga. Tak apa lah.




Yes Correct ..

Sekarang hanya perlu tunggu SMS Code sampai, dan masukkan di bawah ni.




NOTED : Kalau sms masih lagi tak sampai? Korang tangguh dulu beberapa jam, nanti sambung balik.


Dan contoh SMS code yang anda akan dapat ialah seperti di bawah ni.



Masukkan code '7978' ke dalam ruang di bawah dan KLIK Confirm.



Kalau anda tiba tiba dapat box notification untuk terima peluang kerja baru seperti di bawah ni, hanya perlu YA atau digalakkan untuk Setuju sahaja. Sebab jawatan yang dicadangkan pada kita nanti memang tally dengan bidang yang kita nak.




Jangan lupa click ALLOW selepas itu ya.

Sekarang kita siap sudah bahagian [Pendaftaran..](#)


Tapi sebelum tu, saya tak perasan pula bila masa pula kita letak password untuk login Maukerja? So kalau kita logout balik, dan nak Login balik apa dia password nya?

Saya tak tau, dan terus la tekan button 'Forgot Password' masa login. Lepas tu, system akan minta no tel atau email. Tadi kita guna nombor telefon kan. Saya letak no saya, dan dapatlah message yang macam ni.




Click lah link atas tu dan reset password baru.


Untuk login, jangan click phone, tapi bahagian email kotak merah ni



Sebaik sahaja login, perasan tak sebelah kanan profile, Pengguna Baru?



Click Link "Pengguna Baru" tersebut akan terkeluar menu seperti di bawah ni



Dan ruangan yang kita perlu ISI ialah di ‘Akaun Saya’ dan juga ‘Resume Saya’.

2 ini sahaja. Memang lah di bahagian akaun saya tu banyak juga tab tab atau ruangan yang lain. Tapi dua menu utama ini sahaja yang kita perlu isi butiran. Selebihnya rekod pencarian kerjaya yang kita nak.

The screenshot shows a resume builder interface. On the left, there is a placeholder for a profile picture with an 'Edit' button. Below it, there are tabs for 'About', 'Experience', and 'Education'. The 'About' tab is currently selected. On the right, there are several sections:

- A progress bar at the top indicates "2% Profile Complete" with a note: "Adding contact information will bring you to 10%."
- A "ABOUT YOURSELF / YOUR CAREER OBJECTIVE" section with a placeholder: "Write something about yourself..."
- A "BASIC INFORMATION" section showing "Full Name" and "N/A" for the other fields.

***Post ini akan bersambung, saya tengah edit satu video yang saya buat khas untuk MauKerja. Nantikan ya.

Sementara tu, boleh buat pendaftaran di [MauKerja dahulu](#) <<<

Daftar Di Sini

Nanti saya akan update nya di sini... **DONE UPDATE**

di bawah ini videonya, sudah siap..